

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Rabu, 25 September 2024**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN STOK MODAL 2023

Aset tetap ekonomi terkumpul negara meningkat sebanyak 3.0 peratus kepada RM5.6 trilion pada tahun 2023

PUTRAJAYA, 25 SEPTEMBER 2024 – Stok Modal Kasar (SMK), yang mewakili modal terkumpul aset tetap dalam negara, mencatatkan nilai RM5.6 trilion dengan pertumbuhan sebanyak 3.0 peratus pada tahun 2023. Pada masa yang sama, Stok Modal Bersih (SMB), yang menunjukkan aset ekonomi Malaysia, merekodkan RM3.5 trilion seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam **PERANGKAAAN STOK MODAL 2023** yang diterbitkan pada hari ini. Statistik ini disusun dan diterbitkan mengikut jenis aktiviti ekonomi dan jenis aset.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “SMB terus berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 2.4 peratus pada tahun sebelumnya, sejajar dengan pertumbuhan Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) yang mencatatkan 5.5 peratus pada tahun ini. Perkembangan SMB ini dipengaruhi oleh pertumbuhan yang lebih baik di semua sektor kecuali sektor Pertanian, yang bertumbuh pada kadar lebih perlahan iaitu 0.4 peratus berbanding 0.6 peratus pada tahun 2022.”

SMB mengikut jenis aktiviti ekonomi sebahagian besarnya adalah daripada sektor Perkhidmatan yang bertumbuh pada 3.5 peratus dan kekal sebagai penyumbang terbesar (69.0%) berbanding aktiviti ekonomi lain, mencapai RM2.4 trilion pada tahun 2023. Aktiviti kewangan, insurans, hartanah, dan perniagaan merupakan penyumbang terbesar dengan 33.1 peratus, diikuti oleh aktiviti Pengangkutan & penyimpanan serta

Maklumat & Komunikasi dan Utiliti, yang masing-masing mencatatkan 19.3 peratus dan 10.5 peratus.

Seterusnya, sektor Pembuatan meningkat sebanyak 3.2 peratus dan menyumbang 11.8 peratus kepada jumlah SMB dengan nilai RM408.0 bilion. Sumbangan ini didominasi oleh produk Petroleum, kimia, getah & plastik sebanyak 36.3 peratus yang meningkat pada kadar 3.4 peratus berbanding 2.9 peratus pada tahun sebelumnya. Produk Elektrik, elektronik, dan optik menyumbang 32.9 peratus dengan pertumbuhan sebanyak 2.8 peratus (2022: 2.2%). Ia diikuti oleh Makanan, minuman, dan tembakau yang menyumbang 11.2 peratus, berkembang 7.0 peratus (2022: 6.1%).

SMB untuk sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat marginal sebanyak 0.3 peratus daripada negatif 0.01 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan berkembang pada kadar yang sama iaitu 3.4 peratus bagi kedua-dua tahun, manakala sektor Pertanian berkembang dengan lebih perlahan disebabkan oleh pengurangan pelaburan dalam penanaman modal sejak tahun 2015.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Semua jenis aset untuk SMB meningkat tahun ini berbanding 2022. Struktur terus mendominasi SMB dengan sumbangan sebanyak 81.1 peratus, berkembang sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2023 (2022: 2.7%). Aset jentera & peralatan menyumbang 10.9 peratus, meningkat 2.8 peratus berbanding 1.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Aset lain menyumbang 8.0 peratus dengan pertumbuhan sebanyak 1.0 peratus pada tahun 2023 (2022: 0.8%). Komposisi aset Malaysia adalah serupa dengan negara-negara lain seperti Australia, Korea Selatan, dan Singapura."

Dari segi intensiti modal, sektor Perlombongan & pengkuarian adalah yang paling intensif modal berbanding dengan sektor-sektor lain, sementara sektor Pertanian kekal lebih rendah daripada intensiti modal nasional. Nisbah intensiti modal mengukur jumlah modal yang diperlukan berbanding dengan bilangan pekerja. Secara umum, intensiti modal yang tinggi menunjukkan bahawa sesebuah industri memerlukan jumlah aset yang lebih besar bagi setiap pekerja.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan

pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 SEPTEMBER 2024**

LAMPIRAN

Carta 1: Perubahan Peratus Tahunan Stok Modal Bersih (SMB) dan Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) pada Harga Malar, (2015 = 100), 2018 - 2023




Carta 2: SMB - Nilai dan Perubahan Peratus Tahunan pada Harga Semasa dan Harga Malar (2015 = 100), 2018 - 2023



Nota: Berdasarkan kepada Measuring Capital OECD Manual 2001, anggaran stok modal memberikan maklumat mengenai stok modal yang wujud dalam sebuah ekonomi pada satu masa tertentu. Stok modal terdiri daripada semua aset tetap seperti mesin, peralatan, bangunan dan struktur lain yang digunakan oleh perusahaan untuk memberikan input perkhidmatan modal ke dalam proses pengeluaran. Ini adalah salah satu input dalam proses pengeluaran yang dapat digunakan untuk menganggarkan potensi output masa hadapan. Terdapat tiga ukuran stok modal yang berbeza: kasar, bersih dan produktif.

Carta 3: Intensiti modal mengikut aktiviti ekonomi

- Sektor Pertanian masih menggunakan modal yang rendah dalam tempoh lima dekad
- Sektor Perlombongan & pengkuarian mendominasi dalam intensiti modal berbanding industri lain



Nota : Intensiti modal= Stok Modal Bersih / Bilangan pekerja



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CAPITAL ACCOUNT STATISTICS 2023

The nation's accumulated economic fixed assets rose by 3.0 per cent to RM5.6 trillion in 2023

PUTRAJAYA, 25th September 2024 – The Gross Capital Stock (GKS), representing the accumulated capital of the country's fixed assets recorded RM5.6 trillion with a growth of 3.0 per cent in 2023. Concurrently, the Net Capital Stock (NKS), which indicates the Malaysia's economic assets, registered RM3.5 trillion reported by the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) in today release of **CAPITAL STOCK STATISTICS 2023**. The statistics are compiled and published by kind of economic activity and the type of assets.

According to Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "NKS continued to grow at 2.9 per cent in 2023 as against 2.4 per cent in the previous year in line with the growth of Gross of Fixed Capital Formation (GFCF) which recorded 5.5 per cent this year. This NKS expansion was supported by better growth across all sectors except for Agriculture which grew at a slower pace of 0.4 per cent from 0.6 per cent in 2022."

The NKS by kind of economic activity was largely from the Services sector grew at 3.5 per cent and remained the largest contributor (69.0%) compared to other economic activities, reaching RM2.4 trillion in 2023. Financial, insurance, real estate, and business activities are the largest contributors at 33.1 per cent, followed by Transportation & storage and Information & Communication and Utilities activities, which recorded at 19.3 per cent and 10.5 per cent, respectively.

Furthermore, the Manufacturing sector increased 3.2 per cent and contributed 11.8 per cent to the total NKS with a value of RM408.0 billion. This contribution was dominated by the Petroleum, chemicals, rubber & plastic products at 36.3 per cent which rose at 3.4 per cent compared to 2.9 per cent in the previous year. The Electrical, electronic and optical products contributed 32.9 per cent with a growth of 2.8 per cent (2022: 2.2%). It was followed by the Food, beverages and tobacco that contributed 11.2 per cent, grew 7.0 per cent (2022:6.1%).

NKS for the Mining & quarrying increased marginally by 0.3 per cent from a negative 0.01 per cent the previous year. Construction sector grew at the same rate of 3.4 per cent for both years, while the Agriculture sector grew slower due to the decreasing investment in capitalized planting since 2015.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "All types of assets for NKS increased this year compared to 2022. Structure continued to dominate NKS with a contribution of 81.1 per cent, grew by 3.1 per cent in 2023 (2022: 2.7%). Machinery & equipment assets contributed 10.9 per cent, increased 2.8 per cent as against 1.6 per cent in the previous year. Meanwhile, Other assets accounted for 8.0 per cent with a growth of 1.0 per cent in 2023 (2022: 0.8%). Malaysia's asset composition is similar to those of other countries namely Australia, South Korea and Singapore".

In terms of capital intensity, Mining & Quarrying sector the most capital intensive compared to other sector while Agriculture sector remained lower than national capital intensity. The capital intensity ratio measures the amount of capital required relative to the number of employed workers. Generally, high capital intensity indicates that an industry requires a larger amount of assets for each worker.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 SEPTEMBER 2024**

Chart 1: Annual Percentage Change of Net Capital Stock (NKS) and Gross Fixed Capital Formation (GFCF) at Constant Prices, (2015 = 100), 2018 - 2023






Chart 2: NKS – Value and Annual Percentage Change at Current and Constant Prices (2015 = 100), 2018 - 2023



Notes: Based on Measuring Capital OECD Manual 2001, capital stock estimates provide information about the stock of capital available in an economy at a point in time. Capital stock consists of all fixed assets such as machinery, equipment, building and other structures used by enterprises to provide inputs of capital services into processes of production. It is one of the inputs in the output process that can be used to estimate future potential output. There are three different measures of capital stock: gross, net and productive.

Chart 3: Capital intensity by economic activity

- The Agricultural sector has continued to use low capital over the past five decades
- The Mining and quarrying sector dominates in capital intensity compared to other industries



Note: Capital intensity = Net Capital Stock/ Number of employed workers